

# Malaysia kekal pasaran penting MAN

➔ Pengeluar trak, bas dari Jerman sasar jual 300 unit tahun ini

Oleh Mohd Zaky Zainuddin  
zaky@bh.com.my

**M**alaysia kekal menjadi pasaran penting bagi MAN Truck & Bus (M) Sdn Bhd (MAN) berdasarkan beberapa faktor yang membuatkan negara ini menjadi pasaran tumpuan pengeluar trak dan bas dari Jerman di rantau ASEAN.

Pengarah Urusannya, Hartmut Mueller, berkata dengan kedudukan Malaysia yang strategik yang menjadi perantara dengan beberapa negara rantau ini seperti Thai-

land dan Singapura, ia membuatkan permintaan kepada trak keluarannya kekal positif meskipun dalam kelembapan ekonomi global ketika ini.

Katanya, sikap keterbukaan pasaran Malaysia kepada teknologi baharu dalam pasaran trak dunia juga membolehkan MAN mengembangkan pasaran di negara yang terkenal dengan pembangunan pesat dalam infrastruktur di rantau ini.

## Malaysia pasaran unik

"MAN sudah berada di Malaysia sejak 2001. Malaysia adalah pasaran unik bagi MAN kerana ia negara yang kaya dengan potensi untuk terus berkembang dalam pelbagai sektor yang berkait rapat dengan pengangkutan.

"Dalam tempoh tiga tahun lalu, kami berjaya menjadikan MAN sebagai antara jenama trak terbaik Eropah di Malaysia," katanya ketika ditemui *BH* sempena Pameran Kenderaan Perdagangan Malaysia

(MCVE) di Seri Kembangan, Selangor, baru-baru ini.

Mengenai sasaran jualan di Malaysia, Mueller berkata, MAN menjangkakan untuk menjual 300 unit trak tahun ini dan 400 unit tahun depan.

"Tahun ini, kami mengekalkan sasaran jualan sama yang diraih tahun lalu. Bagi tahun depan, ia agak unik kerana tambahan 100 unit bakal diraih menerusi kontrak daripada agensi kerajaan.

"Tahun depan, kami akan menyediakan trak untuk kegunaan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan ketenteraan di mana kontrak ini akan memacu jenama MAN di Malaysia. Walaupun sumbangan kontrak kerajaan adalah kecil berbanding pelanggan komersial, ia amat penting bagi kami kerana ia berpotensi untuk terus berkembang pada masa depan," katanya.

Tahun lalu, MAN menjual kira-kira 300 unit trak di pasaran Malaysia.

[FOTO ROSELA ISMAIL/BH]



**Mueller yakin kedudukan strategik Malaysia** bolehkan permintaan trak keluarannya kekal positif.